



KENYATAAN MEDIA
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

DIKELUARKAN PADA: 12 OKTOBER 2015 (ISNIN)

STATUS KUALITI UDARA

Pada 12 Oktober 2015 (Isnin), bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada jam **8.00 pagi** menunjukkan 11 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, 40 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana, dan **1 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap ‘tidak sihat’ iatu di Banting, Selangor (IPU 103).** Kawasan-kawasan lain yang mencatatkan bacaan IPU tertinggi setakat jam 8.00 pagi ini adalah W. Persekutuan Putrajaya dengan bacaan IPU 97 dan Nilai, Negeri Sembilan dengan bacaan IPU 92 dan diikuti Port Dickson, Negeri Sembilan dengan bacaan IPU 88 dan Cheras, Kuala Lumpur dengan bacaan IPU 87.

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di ‘Google Play’ atau ‘App Store’.

Status kualiti udara dalam negara masih dipengaruhi pencemaran jerebu merentas sempadan dari Sumatera dan Kalimantan, Indonesia. Walau bagaimanapun, kawasan di serantau negara sedang menerima tiupan angin yang lemah dari pelbagai hala dan menyebabkan cuaca yang agak lembap di kebanyakan kawasan di seluruh negara. Hujan di satu dua tempat boleh berlaku pada awal pagi di kawasan pantai negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung. Manakala pada waktu petang, hujan dan ribut petir di beberapa

tempat dijangka berlaku di semua negeri di Semenanjung, semua bahagian di Sarawak dan bahagian Barat negeri Sabah sehingga 16 Oktober 2015. Keadaan ini dijangka dapat membantu meredakan keadaan berjerebu untuk tempoh beberapa hari lagi.

BILANGAN TITIK PANAS (HOTSPOT)

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 11 Oktober 2015, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 18* mengesan sebanyak 77 titik panas (hotspot) di Kalimantan, Indonesia dan sebanyak 1 titik panas (hotspot) dikesan di Sumatera, Indonesia. Walau bagaimanapun, bilangan sebenar titik panas (hotspot) di Sumatera dan Kalimantan tidak dapat dikesan kerana terdapat litupan awan. Sementara itu, tiada titik panas (hotspot) dikesan dalam negara .

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh *ASMC* pada 11 Oktober 2015 adalah seperti di **Rajah 1**. Berdasarkan peta tersebut, kawasan-kawasan di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia masih diselaputi asap jerebu tebal dan sederhana. Asap jerebu sederhana dari Kalimantan, Indonesia didapati menghala ke kawasan selatan Semenanjung Malaysia.

TINDAKAN TERKINI DI PERINGKAT DUA HALA

YAB Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya, Presiden Indonesia, Joko Widodo pada 11 Oktober 2015. Kedua-dua negara antara lainnya telah bersetuju untuk memperkukuhkan kerjasama dalam penyelesaian masalah jerebu. Ini termasuk cadangan oleh Malaysia bagi berkongsi kepakaran dalam pembinaan telaga air tanah (tube well) bagi mengawal sistem saliran di kawasan tanah gambut di Indonesia supaya tidak menjadi kering semasa musim kemarau.

Sementara itu, penyaluran bantuan pemadaman kebakaran di Sumatera Selatan dan Palembang, Sumatera, Indonesia telah bermula pada 11 Oktober 2015 yang melibatkan mobilisasi pesawat 'Bombardier CL 415' milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi operasi pengeboman air (water bombing) di kawasan-kawasan kebakaran.

TINDAKAN-TINDAKAN DI PERINGKAT TEMPATAN

Jabatan Alam Sekitar (JAS), NRE berterusan memantau rapi bacaan IPU di seluruh negara melalui 52 stesen pengawasan kualiti udaranya. Mekanisme tindak balas (*response mechanism*) semasa berlakunya jerebu adalah mengikut **Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan** di mana tindakan-tindakan telah diambil oleh agensi yang terlibat adalah seperti berikut:-

- (i) Mesyuarat Jawatankuasa Jerebu telah diadakan dan dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) pada 28 Ogos 2015, 18 September 2015 dan 6 Oktober 2015. Ia bertujuan memantau perkembangan terkini keadaan jerebu dan menyelaras tindakan-tindakan antara agensi berhubung pengurusan bencana jerebu;
- (ii) Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mempengerusikan beberapa mesyuarat berkaitan pengendalian bencana jerebu iaitu yang terbaru, Mesyuarat Penyelarasan Bantuan Kepada Kerajaan Indonesia pada 8 Oktober 2015, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Pusat (JPBBP) pada 30 September 2015 dan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Jerebu pada 15 September 2015;
- (iii) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan arahan penutupan semua sekolah di kawasan-kawasan dan tarikh-tarikh seperti berikut iaitu:-
 - a) Seluruh Malaysia kecuali di Kelantan, Sabah, Sarawak dan Labuan pada 5 dan 6 Oktober 2015 berikutan bacaan IPU yang telah mencecah melebihi 200 pada 4 Oktober 2015. Semua sekolah di Pulau Langkawi, Kedah masih ditutup pada 7 Oktober 2015;
 - b) WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka pada 28 September 2015 berikutan bacaan IPU yang telah mencecah melebihi 200 pada 27 September 2015;
 - c) Melaka dan Johor pada 29 September 2015, manakala penutupan semua sekolah di Johor dilanjutkan sehingga 30 September 2015; dan

- d) Bahagian Kuching, Bahagian Sri Aman dan Bahagian Samarahan, Sarawak pada 28 September 2015 berikutan bacaan IPU yang telah mencecah melebihi 200 pada 27 September 2015;
 - e) WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka pada 15 September 2015 berikutan bacaan IPU menghampiri 200.
- (iv) Ketua Pengarah Alam Sekitar telah mengeluarkan Perintah Larangan Pembakaran Terbuka (PLPT) bagi seluruh negeri Johor pada 25 September 2015. Sementara itu, PLPT bagi negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang dikeluarkan semenjak bulan Mac 2014 sehingga kini masih berkuatkuasa. Melalui larangan pembakaran terbuka ini, semua aktiviti pembakaran terbuka di kawasan-kawasan yang berkenaan adalah dilarang sama sekali kecuali aktiviti tertentu iaitu pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan, gril/barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar (flaring); dan
- (v) Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) telah menjalankan operasi pembenihan awan dari 15 September 2015 hingga 5 Oktober 2015 sebagai tindakan untuk mengurangkan kesan jerebu. Sebanyak lima (5) operasi telah dijalankan di Semenanjung Malaysia dan sebanyak tiga (3) operasi telah dijalankan di negeri Sarawak.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA

Berdasarkan siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun ini sehingga 11 Oktober 2015, sebanyak 3,481 kes pembakaran terbuka telah dikesan di seluruh negara iaitu pembakaran terbuka melibatkan kawasan hutan (594 kes), kawasan pertanian (1194 kes), kawasan industri (19 kes), kawasan pembinaan (73 kes), tapak pelupusan sampah (96 kes), kawasan belukar (688 kes) dan lain-lain pembakaran terbuka kecil (817). Bagi tempoh yang sama, sebanyak 220 kes pembakaran terbuka telah dikenakan tindakan kompaun dan 16 kes telah dikeluarkan Notis Arahan dan 41 kes telah dikeluarkan Surat Arahan. Selain itu, sebanyak 23 kes pembakaran terbuka telah disediakan kertas siasatan untuk diambil tindakan mahkamah.

NASIHAT KEPADA ORANG AWAM

Semua pihak dinasihatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.


Semasa keadaan berjerebu, orang ramai dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengelakkan dari berada di luar rumah, mengurangkan aktiviti riadah luar dan sekiranya perlu berada di luar hendaklah memakai penutup hidung dan mulut (mask) serta mendapatkan nasihat kesihatan dengan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di alamat <http://www.infosihat.gov.my>.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

12 Oktober 2015

PETA JEREBU SERANTAU, 11 OKTOBER 2015

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)



Regional Haze Update

The hotspot situation in Sumatra and Kalimantan could not be fully determined due to cloud cover. Moderate to dense haze continued to persist in Kalimantan, as well as in central and southern Sumatra. Some haze from Kalimantan had spread westward to southern parts of South China Sea.

Updated 7:38 PM 11 Oct